

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL. 3 TAHUN 2016

Tarikh : 23 September 2016 (Jumaat)
Masa : 10,00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tempat : Bilik Seminar 2, Tingkat 1
Menara MITI
Pengerusi : YBhg. Datuk J. Jayasiri
Ketua Setiausaha MITI

Senarai Kehadiran : Seperti di Lampiran I

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
1.	<u>PERUTUSAN Pengerusi</u>	
1.1	Pengerusi mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Pengerusi menyatakan bahawa isu-isu yang hendak dibawa ke mesyuarat ini hanya menekankan isu-isu berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja iaitu meliputi perkara-perkara perkhidmatan, pentadbiran dan perjalanan organisasi.	
2	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u>	
2.1	Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2016 yang diadakan pada 27 Mei 2016 telah disahkan tanpa pindaan.	BPSM/ PIMD
3.	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>	
3.1	Pengerusi memaklumkan bahawa penyediaan sudut rujukan tesis Sarjana dan PhD warga MITI adalah satu cadangan yang baik. Telah dimaklumkan bahawa PIMD telah menerima satu (1) naskah tesis PhD daripada Encik Asmawi Noor Saarani, Ketua Penolong Pengarah (Kanan) BPSM. Walaubagaimanapun, Pengerusi mencadangkan agar tajuk thesis yang disediakan perlu diwar-warkan agar menarik perhatian untuk pengunjung membaca atau meminjam thesis tersebut untuk dibuat rujukan. .	
3.2	<u>Memohon naik taraf pemberian broadband dari 1GB ke unlimited</u> Semua <i>broadband</i> di pejabat MITI Wilayah telah dinaikkan taraf daripada 8 GB kepada 28 GB mulai 3 Jun 2016.	
3.3	<u>Sudut kanak-kanak di Bahagian Pengurusan Ilmu dan Maklumat Digital (PIMD)</u>	

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa PIMD telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perkhidmatan Pinjaman Berkelompok Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi menyediakan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak, dan bahan-bahan ini telah ditempatkan di rak yang berasingan daripada koleksi lain untuk memudahkan carian dan pinjaman.</p> <p>Buku-buku yang disediakan boleh dipinjam oleh warga MITI sebanyak empat (4) buah pada satu-satu masa, dan warga MITI perlu memastikan buku-buku yang dipinjamkan dikembalikan dalam tempoh yang telah ditetapkan.</p>	Makluman
3.4	<p><u>Memohon supaya ditambah lagi ruang-ruang booth peniaga di kafeteria dengan pelbagai menu supaya ada persaingan dan harga tidak ditentukan sesuka hati tanpa meletakkan tanda harga</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa bahagian Pentadbiran bersama Kelab MITI telah mengadakan perbincangan untuk menambah ruang-ruang booth peniaga di Kafeteria. Perbincangan serta komunikasi dengan pihak peniaga untuk memastikan aspek kebersihan dan kualiti makanan diadakan semasa ke semasa.</p>	Makluman
3.5	<p><u>Meningkatkan liputan rangkaian (network) telefon serta Wifi di Aras LG2 dan menaiktaraf rangkaian di ruang pejabat dan lif</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di luar bidang kuasa MITI kerana melibatkan pihak ketiga.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, dimaklumkan bahawa pihak Edotco telah dilantik oleh Kelab MITI pada 1 Ogos 2016. Pihak PJH telah memberi kelulusan bagi kerja-kerja pemasangan.</p>	Makluman
3.6	<p><u>Menggantikan pintu kayu kepada pintu kaca/transparent/ bertingkap di ruang legar yang menuju ke kafeteria dan surau Aras 3</u></p>	
	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggantian pintu bertingkap dipasang di ruang legar yang menuju ke kafeteria pada 24 September 2016.</p>	Pentadbiran

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
3.7	<p><u>Mengadakan audit akses kemudahan OKU di Bangunan Baharu MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pentadbiran telah mendapat Standard of Building daripada KPKT dan pada masa yang sama, laluan khas OKU yang baru telah dipasang daripada pintu utama ke kaunter pertanyaan dan lift.</p>	Makluman
3.8	<p><u>Memohon BPSM mengkaji dan memanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (Bahagian Pembangunan Organisasi & Bahagian Perkhidmatan) untuk mewujudkan jawatan Juruteknik Komputer Kanan (FT22/ FT 26) di MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Satu perbincangan telah diadakan di antara BPSM dan BPM pada 30 Mei 2016 di mana BPSM telah memohon BPM untuk mengemukakan justifikasi bagi cadangan pewujudan FT22/FT26, bersama-sama dengan carta fungsi, dan deskripsi jawatan untuk dikaji oleh pihak BPSM dan mendapat pandangan JPA. BPSM turut memaklumkan bahawa pewujudan jawatan baru FT19/FT22 perlu melalui trade off jawatan sediaada.</p> <p>Pada 1 Julai 2016, BPSM telah mengenalpasti seramai 4 orang pegawai sedia ada yang menepati syarat bagi rasionalisasi Gred F29. Mereka yang terlibat adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) En. Saharudin Bin Abdul Rahman b) En. Mohd Farhan Bin Omar c) En. Khairul Bin Ismail d) En. Muhamad Syafiq Bin Sahudin <p>Pengerusi meminta supaya BPSM melihat samada perkara ini dapat dilaksanakan tanpa trade off jawatan sediaada.</p>	BPSM
3.9	<p><u>Mengadakan Bengkel Persediaan Bagi menduduki peperiksaan khas untuk memasuki skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27(PSL) di MITI</u></p> <p>Bengkel persediaan telah diadakan pada 20 Ogos 2016 di MITI. Seramai 53 orang telah menyertai bengkel ini.</p> <p>Pengerusi ingin melihat outcome akan adakah bengkel yang dilaksanakan berkesan, dengan melihat keputusan</p>	BPSM

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	anggota yang menghadiri bengkel tersebut di dalam keputusan peperiksaan khas skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27(PSL) itu nanti.	
3.10	<p><u>Pengisian jawatan yang kosong bagi Kumpulan Sokongan N17 di MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak BPSM telah berhubung dengan pegawai JPA berkaitan isu pengisian jawatan bagi Kumpulan Pelaksana N19. Walau bagaimanapun, pihak JPA memaklumkan bahawa pada masa ini <u>tiada</u> sebarang pengambilan baru untuk Gred N19.</p> <p>JPA akan mempertimbangkan untuk menghantar pegawai sedia ada yang memohon bertukar keluar ke Kuala Lumpur untuk ditempatkan di MITI.</p>	BPSM
3.11	<p><u>Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Tadbir N27 dan Pembantu Tadbir N17 di MITI Johor dan Pembantu Tadbir N17 dan Pembantu Operasi N11.</u></p> <p>Pihak BPSM telah dimaklumkan bahawa MITI Wilayah Johor telah membuat pengambilan PSH dan pegawai tersebut telah melapor diri pada 1 Ogos 2016 (Isnin). Manakala bagi MITI Pahang, Gred N19 telah diisi sepenuhnya.</p>	Makluman
4.	<u>PEMBENTANGAN USUL WAKIL PEKERJA</u>	
4.1	Pembentangan Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 – Encik Mohd Reza Azman	
4.1.1	<p><u>Pengenalan orang ramai pada bangunan</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 memaklumkan bahawa orang ramai sinonim dengan bangunan MATRADE tetapi bukan MITI. Pengunjung akan menyangka MATRADE adalah MITI kerana logo 'M' yang besar di atas bangunan arca MATRADE.</p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 mencadangkan agar MITI harus mempunyai logo di bangunan juga bagi memudahkan orang ramai mengenali bangunan MITI dari jauh.</p>	Pentadbiran

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>Pengerusi dimaklumkan bahawa perkara ini merupakan satu idea yang baik walaubagaimanapun pemasangan tanda ataupun logo ini melibatkan bajet.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Pentadbiran telah berbincang dengan pihak PJH dan sudah ada perancangan untuk memasang Logo ataupun tanda nama bangunan tersebut.</p> <p>Bahagian Pentadbiran juga akan berhubung dengan DBKL bagi meletakkan tanda arah jalan yang bertulis MITI dari jalan utama sepertimana tanda arah ke bangunan MATRADE.</p>	
4.1.2	<p><u>Permohonan / Pertimbangan pegawai meneruskan pengajian di bawah HLP.</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 mencadangkan beberapa perkara iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • agar permohonan HLP bagi pegawai gred 48 & 52 melalui saringan yang ketat daripada pengurusan MITI. Faktor usia yang disyaratkan bagi permohonan HLP vs. Faktor tahun berkhidmat di MITI bagi memastikan kesinambungan kerja di MITI. • Disyorkan BPSM dan Unit Latihan MITI untuk mengadakan pertemuan dengan JPA bagi memeterai perjanjian agar pegawai yang dilepaskan untuk mengikuti pembelajaran di bawah HLP akan pulang ke MITI selepas pembelajaran • Disyorkan Unit Latihan MITI merangka senarai keperluan bidang keutamaan di MITI bagi perakuan mengikuti pembelajaran (hendaklah konsisten dengan bidang keutamaan yang ditetapkan JPA) <p>BPSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pertimbangan bagi pegawai meneruskan pengajian di bawah HLP telah diambil kira faktor usia pegawai tersebut dan meletakkan pegawai '<i>border line</i>' ini sebagai prioriti sekiranya pegawai tersebut memohon.</p> <p>Bagi pegawai yang keluar MITI untuk sambung belajar, Pengerusi memaklumkan bahawa MITI sangat-sangat berharap agar pegawai yang keluar untuk sambung belajar untuk kembali ke MITI untuk berkhidmat, namun sekiranya pegawai tersebut tidak mahu kembali ke MITI namun MITI tidak boleh menghalang.</p> <p>BPSM akan menyenaraikan keperluan bidang utama di</p>	<p>BPSM / Unit Strategik 1</p>

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>MITI untuk perakuan seperti dipohon.</p> <p>Pengerusi bersetuju dengan pandangan ahli yang memberi cadangan dan meminta BPSM memaklumkan pegawai yang memohon HLP bagi status permohonan mereka.</p>	
	<p>Wakil OKU mencadangkan agar pegawai OKU diberi pendedahan untuk ke Parlimen semasa Parlimen bersidang.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa ini merupakan satu idea yang baik bagi memberi pendedahan kepada pegawai OKU seorang dalam satu masa, namun perlu melihat dari faktor keselamatan juga.</p>	Pentadbiran
5	HAL-HAL LAIN	BPSM
5.1.1	<p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 memaklumkan bahawa Puan Sitti Amyrah Johari merupakan wakil Kader Gred Pegawai untuk tempoh perlantikan sesi 2015/2017. Walaubagaimanapun, beliau telah menerima tawaran kenaikan pangkat ke Gred L48 dan telah bertukar ke Pejabat Peguam Negara, Putrajaya.</p> <p>Oleh itu, dicadangkan agar Pn. Fariza dilantik bagi mewakili kumpulan Kader Gred Pegawai bagi tempoh Sesi 2015/2017.</p> <p>Pengerusi dan ahli mesyuarat bersetuju agar Pn. Fariza (L48) dilantik bagi menggantikan Pn. Sitti Amyrah Johari sehingga tempoh berakhir 2015/2017.</p>	
5.1.2	<p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred 48/ 52 juga memaklumkan bahawa En. Zainal Shariff telah bertukar ke Bahagian Pentadbiran. Mengikut pelembagaan MBJ, wakil MBJ tidak boleh dilantik dari kalangan pegawai dan kakitangan Pentadbiran. Walaubagaimanapun, bagi meneruskan kelangsungan kerja-kerja MBJ dan mengetengahkan isu-isu pekerja, mesyuarat secara bersama telah bersetuju untuk memanjangkan khidmat En. Zainal sebagai wakil kumpulan pelaksana pembantu operasi sehingga tamat tempoh 2015/2017</p>	
5.1.3	<p>Pengerusi meminta urusetia MBJ masukkan semua isu yang dibangkitkan dan telah selesai di peringkat pentadbiran dalam mesyuarat akan datang untuk makluman ahli mesyuarat.</p>	
6.	PENANGGUHAN MESYUARAT	Makluman
6.1	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Datuk Pengerusi.	


Rujukan Fail : (59) MITI.500-7/7/1

Tarikh : 10 Oktober 2016

Persetujuan Minit :



.....
Cheah Poh Fook
(Setiausaha Pegawai)



.....
Aliff Ridzuan Lee Abdullah
(Setiausaha Pihak Pekerja)

Penyediaan Minit Mesyuarat oleh Urusetia

Disediakan oleh : **Cik Nur Azza Abdul Aziz** - PPK

Disemak oleh : **Encik Cheah Poh Fook** - KPP

Disahkan oleh : **Encik Khiruddin Said** - PKKP

SENARAI KEHADIRAN

1. **YBhg. Datuk J. Jayasiri
Ketua Setiausaha MITI**
2. **Encik Khiruddin Said
Pengarah Kanan Pentadbiran**
3. **Puan Zabidah Safar
Pengarah Kewangan**
4. **Puan Mahani Abdul Aziz
Ketua Audit Dalam**
5. **Puan Nor Haslynda Wan Rahim
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia**
6. **Dr. Asmawi Noor Saarani
Ketua Penolong Pengarah Kanan Sumber Manusia**
7. **En. Faizal Md Kasim
Ketua Penolong Pengarah Sumber Manusia**
8. **Puan Hajah Salimah Khadith
Wakil Majlis Bersama Kementerian**
9. **Encik Mohd Reza Azman
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52**
10. **Encik Aliff Ridzuan Lee Abdullah
Wakil Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat**
11. **Encik Muhammad Izarul Kayat
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44**
12. **Encik Zulhisham Mustapa
Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir**
13. **Encik Muhammad Abd Ghani
Wakil Kumpulan Pen Pegawai Teknologi Maklumat**
14. **Encik Khairul Azwan Wahab
Wakil OKU MITI**
15. **YM Raja Zaiful Izwan Raja Rahim
Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir**
16. **Encik M. Saravanapavan a/l M. Manohara
Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat**

17. **Puan Zamawani Shari**
Wakil Kumpulan Kader Gred Sokongan
18. **Encil Zainal Shariff**
Wakil Kumpulan Pelaksana Pembantu Operasi
19. **Cik Ena Fazleen Zainal Kan**
Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir
20. **Encik Syahrul Naim Yaacob**
Wakil Kumpulan Pelaksana Keselamatan
21. **Encik Mohd Khairi Shabudin**
Wakil Kumpulan Pelaksana Pemandu
22. **Encik Badrul Zainun Mohamed Bazin**
MITI Wilayah Perak
23. **Encik Amin Anis**
MITI Wilayah Sarawak
24. **Encik Noor Zainal Osman**
MITI Wilayah Pahang
25. **Encik Nordin Amat**
MITI Wilayah Johor
26. **Cik Nur Ayunni Arif**
MITI Wilayah Kelantan

URUS SETIA

27. **Encik Cheah Poh Fook**
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran
28. **Cik Nur Azza Abdul Aziz**
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pentadbiran
29. **Puan Nurliyana Hazwani Abd Rahman**
Pembantu Tadbir Bahagian Pentadbiran

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

30. **Puan Inthrani Shammugam**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat
31. **Encik Shaiful Azli Mahamad Nor**
Ketua Unit Intergriti
32. **Puan Nor Aliza Ahmad Tajuddin**
MITI Wilayah Pulau Pinang

- 33. Encik Gregory Hendry Michael
MITI Wilayah Sabah**
- 34. Puan Salwa Mohd Adas
Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Pentadbiran**